

## Mosti guna teknologi 'remote sensing' tangani tanah runtuh

Nurul Hidayah Bahaudin  
[nurul.hidayah@hmetro.com.my](mailto:nurul.hidayah@hmetro.com.my)



KEJADIAN tanah runtuh yang berlaku di Bukit Permai.

Ampang: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) membantu kerajaan dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) dalam operasi serta perancangan berhubung kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2 di sini, melalui analisa serta teknologi 'remote sensing' angkasa.

Timbalan Menterinya, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, analisa itu dibuat menggunakan teknologi dibangunkan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

"Ada tujuh jenis maklumat yang diperlukan berkaitan dengan remote sensing dan imej satelit yang sepatutnya boleh memberi maklumat awal sekali gus membantu daripada segi menangani risiko kejadian seperti ini.

"Sebelum ini, berlaku kejadian sama di Kemensah dan kita pernah kerjasama dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menerusi 'System E-Slope' yang membantu berkaitan pembangunan cerun.

"Ini adalah kerjasama MYSA dengan pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya ditemui selepas meninjau lokasi kejadian hari ini.

Ahmad Amzad berkata, Mosti berperanan dalam memberikan maklumat yang diperlukan menggunakan satelit.

"Perkara itu kita sudah laksanakan dan ia adalah skop di bawah Mosti dan kunjungan saya di sini adalah bagi memastikan kita tidak terlepas pandang daripada segi apa-apa maklumat.

"Selain itu, ia bagi membolehkan kita membantu kerajaan daripada segi membuat keputusan dan lain-lain," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan, empat maut manakala seorang cedera pada kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2, kelmarin.

**Disiarkan pada: Mac 12, 2022 @ 12:37pm**